

22 OCT 1999

Adnan-Balak

KERAJAAN PAHANG SIASAT PENGELUARAN BALAK DI MENTAKAB

KUANTAN, 22 Okt (Bernama) -- Kerajaan Pahang akan menyiasat dakwaan penduduk tentang pengeluaran balak di sebuah kawasan yang telah dipajakkan bagi projek tanaman jagung di Mentakab.

Menteri Besar Datuk Adnan Yaakob hari ini berkata mengikut kertas kerja asal, kawasan itu adalah kawasan bebas hutan. Ini bermakna tidak ada kayu balak boleh dikeluarkan daripada kawasan itu.

"Saya sudah meminta Pengarah Perhutanan Negeri menyiasat dan melaporkan kepada majlis mesyuarat kerajaan negeri," kata beliau kepada pemberita di kediaman rasminya, di sini.

Beliau berkata tujuan memajak tanah seluas 1,215 hektar itu kepada syarikat Majestic Heights ialah bagi menambah pengeluaran tanaman jagung dan meningkatkan pengeluaran bahan makanan di negeri ini.

Sebelum itu beliau memberitahu kemuncak perayaan ulang tahun ke-69 dan sambutan Jubli Perak pemerintahan Sultan Pahang tahun ini ialah Majlis Santapan Diraja yang akan diadakan di Dewan Mulia, Istana Abu Bakar, Pekan, pada 8.30 malam esok.

Ia akan dihadiri oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Permaisuri Agong, Sultan Brunei dan semua Raja-Raja Melayu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beberapa menteri kabinet juga akan hadir pada malam itu.

-- BERNAMA

SHS zb